

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



**SATU KERTAS KONSEP  
HUBUNGAN ANTARA PENDAPATAN IBU BAPA DAN TAHAP  
LITERASI KEWANGAN DALAM KALANGAN MAHASISWA  
DAN MAHASISWI DI UNIVERSITI**

*CONCEPTUAL PAPER :THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENT INCOME AND  
LEVEL OF FINANCIAL LITERACY AMONG UNDERGRADUATES UNIVERSITY*

Crister Kujat<sup>1</sup>, Nur Yuhainis Ab Wahab<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Management and Economy, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: chrystalkujat98@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Management and Economy, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: yuhainis@fpe.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 29.07.2021

Revised date: 19.08.2021

Accepted date: 12.09.2021

Published date: 15.09.2021

**To cite this document:**

Crister, K., & Ab Wahab, N. Y. (2021). Satu Kertas Konsep: Hubungan Antara Pendapatan Ibu Bapa Dan Tahap Literasi Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (42), 413-420.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.642032.

**Abstrak:**

Pendapatan ibu bapa merupakan salah satu daripada faktor yang boleh mempengaruhi literasi kewangan seseorang. Hal ini kerana salah satu daripada sumber pendapatan mahasiswa dan mahasiswi untuk menjalani kehidupan ialah melalui sumber kewangan daripada ibu bapa. Oleh itu, kewangan yang diperolehi akan menentukan bagaimana seseorang dapat menguruskan perbelanjaan mereka. Tambahan lagi, pengurangan pendapatan ibu bapa akibat pandemik Covid-19 menyebabkan pendapatan mahasiswa dan mahasiswi berkurang. Meskipun terdapat pengurangan pendapatan dalam kalangan ibu bapa, mahasiswa dan mahasiswi masih berbelanja melebihi kemampuan dan tidak dapat menguruskan kewangan dengan baik. Hal ini kerana, tahap literasi kewangan yang rendah menyebabkan seseorang itu tidak dapat menguruskan kewangan dengan baik. Pengurusan kewangan yang baik dapat membantu mahasiswa dan mahasiswi menghindari diri daripada tekanan kewangan dan pelbagai masalah kewangan yang lain. Menyedari kepada permasalahan dan kepentingan literasi kewangan dalam kehidupan, terdapat penyelidikan dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara pendapatan ibu bapa dan literasi kewangan. Namun hasil yang diperolehi oleh penyelidik terdahulu adalah bercampur-campur. Oleh itu, kajian ini memfokuskan untuk memperkenalkan satu kerangka konsep berkaitan hubungan antara pendapatan ibu bapa dan literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Literasi Kewangan, Pendapatan Ibu Bapa, Pengurusan Kewangan, Mahasiswa dan Mahasiswi, pandemik Covid-19

**Abstract:**

Parental income is one of the factors that can influence a person's financial literacy. This is because one of the sources of income for students to live their lives is through financial resources from parents. Therefore, the finances obtained will determine how a person can manage their expenses. In addition, the reduction in parental income due to the Covid-19 pandemic has resulted in reduced students income. Despite the reduction in income among parents, students still spend beyond their capacity and are unable to manage their finances properly. This is because low levels of financial literacy cause a person to be unable to manage his finances properly. Good financial management can help student undergraduates to avoid financial stress and other financial difficulties. Realising the issues and importance of financial literacy in life, there is research done to identify the relationship between parental income and financial literacy. But the results obtained by previous researchers are mixed. Therefore, the study focused on introducing a framework of concepts related to the relationship between parental income and the financial literacy of students and students.

**Keywords:**

Financial Literacy, Parents Income, Financial Management, Student Undergraduates, Pandemic Covid-19

**Pengenalan**

Pengurusan kewangan merupakan satu bidang yang memainkan peranan yang sangat penting untuk kesejahteraan negara serta individu. Menurut Nurul Jannah (2020), sepanjang pandemik Covid-19 ini, pendapatan negara dan pendapatan individu turut terjejas dan telah menyebabkan hutang isi rumah mencapai 87.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK). Pendapatan individu yang tidak stabil semasa pandemik ini menyebabkan kerisauan kepada negara kerana tahap literasi kewangan rakyat Malaysia tidak menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2020 (RinggitPlus, 2020). Selain itu, kajian-kajian lepas seperti Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020), Sakinah dan Mudakir (2018) serta Yasmin Huzaimah dan Anuar (2017) juga menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi berada dalam keadaan yang sederhana.

Literasi kewangan merupakan satu kombinasi pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan dalam membuat keputusan kewangan yang efektif untuk mencapai kesejahteraan individu (Ramasamy, Kenyathulla & Muhammad Faizal, 2018). Tahap literasi kewangan penting kerana dengan literasi kewangan yang tinggi individu terutamanya mahasiswa dapat mengelakkan tekanan kewangan (Dhroe, 2020), membantu pertumbuhan ekonomi (Isomidinova & Singh, 2017) dan memahami perkara berkaitan dengan dasar kewangan dan institusi kewangan (Nano & Istrofor, 2017). Oleh itu, tahap literasi kewangan yang tinggi dapat membantu untuk menguruskan kewangan dengan teratur terutamanya dalam

menghadapi situasi pandemik Covid-19.

Kepentingan literasi kewangan dalam menguruskan kewangan juga telah diberikan perhatian oleh kerajaan apabila satu strategi literasi kewangan kebangsaan dibangunkan pada tahun 2019-2023 (Jaringan Pendidikan Kewangan, 2019). Strategi utama ialah memperkenalkan pembangunan keupayaan dan sokongan kepada pelajar, guru dan penglibatan ibu bapa (Jaringan Pendidikan Kewangan, 2019). Melalui strategi tersebut, kerajaan berharap tahap literasi kewangan dapat dipertingkatkan serta dapat melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab khususnya dalam menguruskan kewangan.

Kebanyakan pengurusan kewangan individu yang diuruskan bergantung kepada sumber pendapatan yang diperolehi oleh seseorang. Nano dan Istrofor (2017) menyatakan bahawa antara aspek penting yang mempengaruhi literasi kewangan ialah pendapatan ibu bapa. Menurut Hasler dan Lusardi (2019) pendapatan didefinisikan sebagai sumber kewangan yang diperolehi daripada pelbagai sumber elaan, gaji, tip, pendapatan pelaburan dan rancangan persaraan. Selain daripada pinjaman yang diperolehi, pendapatan ibu bapa juga merupakan sumber kewangan utama bagi golongan mahasiswa dan mahasiswi di universiti (Hairunnizam & Siti Aisyah, 2020 ; Oseifuah, Gyekye & Formadi, 2018).

Namun begitu, pendapatan ibu bapa turut terjejas akibat daripada pandemik Covid-19 memberikan kesan kepada sumber pendapatan mahasiswa dan mahasiswi. Meskipun kurang sumber pendapatan, terdapat 40 peratus mahasiswa dan mahasiswi berbelanja melebihi kemampuan mereka sendiri (Nurul Jannah, 2021). Tahap literasi kewangan yang kurang dalam diri mahasiswa dan mahasiswi menyebabkan mereka tidak mempunyai kewangan yang mencukupi sehingga mereka perlu mengikat perut (Doria, 2020). Walaupun mahasiswa dan mahasiswi sudah tersedia dengan pinjaman yang diberikan, namun akibat daripada tahap literasi kewangan yang rendah menyebabkan mereka boros dan tidak dapat membuat simpanan (Khatun, 2018). Menyedari kepada permasalahan ini, maka kajian ini ingin mengkaji tahap literasi kewangan dengan pendapatan ibu bapa.

## **Sorotan Literatur**

### ***Definisi Literasi Kewangan***

Menurut Herawati, Candiasa dan Suharsono (2020) literasi tidak hanya berkaitan dengan bahasa tetapi juga pengetahuan mengenai topik tertentu atau jenis pengetahuan tertentu. Literasi kewangan merupakan salah satu daripada bidang pengetahuan yang luas yang dapat dikaji oleh pengkaji-pengkaji dalam dan luar negara. Malah konsep dan definisi literasi kewangan masih menjadi perbincangan dalam kajian literasi kewangan. Terdapat beberapa definisi yang diperolehi melalui pengkaji-pengkaji lepas. Menurut Moore (2003), literasi kewangan boleh dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan.

Menurut *The Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD, 2018) literasi kewangan didefinisikan sebagai gabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang kukuh dan seterusnya mencapai kesejahteraan kewangan individu. Selain itu Radianto, Efrate dan Dewi

(2019) menyatakan bahawa literasi kewangan merupakan satu aktiviti ataupun siri proses untuk meningkatkan pengetahuan, kepercayaan, dan kemahiran pengguna dan komuniti yang lebih luas supaya mereka dapat menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh beberapa pengkaji, literasi kewangan dalam konteks kajian ini merupakan satu kombinasi pengetahuan kewangan, tingkah laku, kewangan dan sikap kewangan dalam membuat keputusan kewangan yang efektif untuk mencapai kesejahteraan individu (Ramasamy, Kenayathulla & Muhammad Faizal, 2018).

### ***Dimensi Literasi Kewangan***

Berdasarkan definisi yang telah diperbincangkan, literasi kewangan terdiri daripada tiga dimensi iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan.

Dimensi pertama ialah pengetahuan kewangan yang membawa maksud pemahaman berkaitan dengan kewangan. Individu yang mempunyai pengetahuan asas kewangan berkaitan dengan simpanan, pelaburan, insuran dan juga pinjaman akan mempunyai tahap literasi kewangan yang baik (Nano & Istrofor, 2017). Oleh itu, dimensi pengetahuan kewangan sangat penting bagi memastikan mereka dapat menguruskan pendapatan mereka dengan baik.

Dimensi kedua ialah tingkah laku kewangan. Individu yang mempunyai literasi kewangan yang baik cenderung menunjukkan tingkah laku positif dalam pengurusan kewangan (Xu, 2019). Tahap literasi kewangan yang rendah akan menyebabkan seseorang mempunyai tingkah laku yang negatif dengan menyalahgunakan kad kredit, salah urus hutang, memenuhi keperluan jangka pendek tanpa perancangan untuk masa depan dan sebagainya (Nano & Istrofor, 2017).

Dimensi yang terakhir ialah sikap terhadap kewangan. Menurut Nor Syahidah dan Norasmah (2017), sikap terhadap kewangan didefinisikan sebagai satu prinsip kewangan bagi mengekalkan nilai ketika membuat keputusan dalam aspek kewangan. Individu yang menunjukkan sikap kewangan yang positif akan berbelanja dalam bajet yang ditetapkan, mengawal perbelanjaan bulanan dan menyimpan wang secara konsisten (Yahaya *et al.*, 2018).

### ***Definisi Pendapatan Ibu Bapa***

Menurut Margaretha dan Pambudhi (2015) pendapatan ibu bapa merupakan saiz hasil kewangan ibu bapa dalam masa sebulan sama ada gaji, elaun dan pendapatan daripada perniagaan. Pendapatan daripada ibu bapa merupakan faktor yang signifikan dengan tahap literasi kewangan pelajar (Radianto, Efrate & Dewi, 2019)

Pendapatan memainkan peranan yang penting dalam pengurusan keluarga. Individu yang mempunyai pendapatan yang rendah akan mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah manakala individu yang mempunyai pendapatan yang tinggi akan mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi (Kimiyaqhalam & Yap, 2017). Malah mahasiswa dan mahasiswi daripada keluarga pendapatan yang tinggi juga lebih cenderung untuk menerima wang saku yang lebih daripada ibu bapa mereka (Oseifuah, Gyekye & Formadi, 2018). Hal ini secara langsung menyebabkan mahasiswa dan mahasiswi daripada keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi akan cenderung untuk membuat simpanan (Amari, Salhi & Jarboui, 2020).

## Hubungan Antara Pendapatan Ibu Bapa Dengan Literasi Kewangan

Terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji hubungan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap literasi kewangan. Namun begitu, terdapat perbezaan yang ditunjukkan dalam hasil kajian. Kajian yang dilakukan oleh Nano dan Istrofor (2017) terhadap mahasiswa dan mahasiswi di Albania menunjukkan bahawa pendapatan ibu bapa mempunyai pengaruh dan hubungan yang signifikan positif ke atas tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi. Hasil kajian ini mempunyai hasil yang selari dengan pengkaji yang lain seperti Lotto (2020).


Kajian yang dilaksanakan oleh Lotto (2020) di Albania terhadap penduduk yang berumur 16 tahun ke atas menunjukkan bahawa pendapatan dalam keluarga mempengaruhi tahap literasi kewangan dengan signifikan yang positif. Sekiranya pendapatan keluarga meningkat maka tahap literasi kewangan individu akan meningkat kerana kecenderungan untuk mengumpul kekayaan akan meningkatkan literasi kewangan. Kajian ini juga sepadan dengan dapatan kajian oleh Liaqat, Mahmood dan Ali (2020) dimana pendapatan ibu bapa menunjukkan perbezaan yang signifikan. Mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai ibu bapa berpendapatan yang tinggi akan mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi.

Kajian yang dilakukan oleh Peprah-Yeboah, Freju dan Fianko (2018) pula menunjukkan bahawa pendapatan ibu bapa tidak signifikan dengan tahap kewangan mahasiswa dan mahasiswi. Hal ini kerana, sumber kewangan mahasiswa dan mahasiswi diperolehi daripada pendapatan ibu bapa sahaja dan menyebabkan mereka berbelanja sepenuhnya menggunakan kewangan tersebut dan menyimpan sedikit sebagai simpanan. Berdasarkan perbincangan ini, pengkaji menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah pendapatan ibu bapa dengan tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi.

H1 : Pendapatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

### Kerangka Konsep

Berdasarkan perbincangan sorotan literatur daripada kajian-kajian lepas dan hipotesis yang telah dibangunkan, maka pengkaji telah menghasilkan kerangka konseptual kajian seperti rajah 1. Kerangka konseptual menunjukkan hubungan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Dalam kajian ini, pendapatan ibu bapa merupakan pemboleh ubah tidak bersandar manakala tahap literasi kewangan merupakan pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1 : Kerangka Konsep Kajian

### Kesimpulan Dan Cadangan Masa Hadapan

Kajian ini mengkaji hubungan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Hasil daripada dapatan yang diperolehi dapat membantu untuk membuka minda masyarakat berkaitan dengan tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi yang akan menjadi kunci pembangunan negara pada masa akan datang. Kepentingan pengurusan dan pengetahuan berkaitan dengan literasi kewangan dalam



kehidupan perlulah dititikberatkan untuk mengatasi isu pengurusan kewangan yang rendah. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan dapat membantu agensi-agensi berkaitan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, agensi kewangan seperti Bank Negara untuk mengenal pasti pembangunan dan sokongan yang dapat diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi bagi membantu untuk merangka program, pendekatan dan strategi khususnya meningkatkan tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi.

Kajian ini hanya mencadangkan kerangka konsep antara pendapatan ibu bapa dan tahap literasi kewangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Hasil sorotan kajian-kajian lepas menunjukkan kajian ini perlulah diteruskan memandangkan terdapat dapatan yang tidak konsisten di antara pendapatan ibu bapa dan tahap literasi kewangan.

### Rujukan

- Amari, M., Salhi, B., & Jarboui, A. (2020). Evaluating the effects of sociodemographic characteristics and financial education on saving behavior. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(11), 1423–1438. <https://doi.org/10.1108/IJSSP-03-2020-0048>
- Doria, A. (2020, April, 15) Isu sara hidup siswa perlu kajian mendalam. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/677283/isu-sara-hidup-siswa-perlu-kajian-mendalam>
- Dhore, A.R. (2021, April, 8) The Importance of Financial Literacy during Covid 19 Pandemic. <https://www.shrm.org/resourcesandtools/hr-topics/behavioral-competencies/pages/the-importance-of-financial-literacy-during-the-covid-19-pandemic.aspx>
- Hairunnizam, W., & Siti Aisyah, Z. (2020). Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1), 27–43.
- Hasler, A, & Lusardi, A. 2019. “Financial Fragility among Middle-Income Households: Evidence Beyond Asset Building.” *GFLEC Working Paper no. 2019-1*. <https://www.pgpf.org/sites/default/files/US-2050-Financial-Fragility-Among-Middle-Income-Households-Evidence-Beyond-Asset-Building.pdf>
- Herawati, N.T., Candiasa, I.M., Yadnyana, I.K. and Suharsono, N. (2020), Factors that influence financial self-efficacy among accounting students in Bali, *Journal of International Education in Business*, Vol. 13 No. 1, pp. 21-36. <https://doi.org/10.1108/JIEB-02-2019-0010>
- Isomidinova, G., & Singh, J. S. K. (2017). Determinants of financial literacy : a quantitative study among young students in Tashkent , Uzbekistan. *Electronic Journal of Business & Management*, 2(1), 61–75.
- Jaringan Pendidikan Kewangan (2019). *Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019–2023*. <https://www.sc.com.mu/api/documentsms/download.ashx?id=4c2332549-09c0-4ed9-9e0d-a43303a1fb8e>
- Khatun, M. (2018). Effect of Financial Literacy and Parental Socialization on Students Savings Behavior of Bangladesh. *International Journal of Scientific and Research Publications (IJSRP)*, 8(12). doi:10.29322/ijsrp.8.12.2018.p8440
- Kimiyaghalam, F. & Yap, S. (2017) Level of Financial Literacy in Malaysia. *International Journal of Research*, 4 (7). <https://edupediapublications.org/journals>
- Liaqat, F., Mahmood, K., & Ali, F. H. (2020). Demographic and socio-economic differences in financial information literacy among university students. *Information Development*, 1(13), 1–12 doi:10.1177/0266666920939601

- Lotto.J (2020) Understanding sociodemographic factors influencing households' financial literacy in Tanzania, *Cogent Economics & Finance*, 8(1), DOI: 10.1080/23322039.2020.1792152
- Margaretha, F. & Pambudhi, R.F.( 2015). Tingkat Literasi Keuangan pada Mahasiswa S-1 Fakultas Ekonomi. *Jurnal Manajemen dan Kewirausahaan*,17(1)76-85. DOI: <https://doi.org/10.9744/jmk.17.1.76-85>
- Moore, D. L. (2003). Survey of Financial Literacy in Washington State: Knowledge, behavior, Attitudes, and Experiences. *Social and Economic Sciences Research Center Washington State University*. <https://doi.org/10.13140/2.1.4729.4722>
- Nano, D., & Istrofor, E. (2017). Students ' Financial Literacy and Parental Income. *International Journal of Innovative Business Strategies (IJIBS)* 3(2), 146–155.
- Nor Syahidah, N., & Norasmah, O. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(1), 183–193.
- Nurul Jannah.K.( 2020,Oktober,26). Covid-19 serlah kepentingan literasi kewangan - Mohd Shahar, *Berita Bernama*
- Nurul Jannah.K.( 2021, Mac, 09). Sejumlah 40 Peratus Generasi Milenium Berbelanja Di Luar Keperluan - Tengku Zafrul, *Berita Bernama*
- OECD (2018), OECD/INFE Toolkit for Measuring Financial Literacy and Financial Inclusion.<https://www.oecd.org/daf/fin/financial-education/2018-INFE-FinLit-Measurement-Toolkit.pdf>
- Oseifuah E, Gyekye A and Formadi P (2018) Financial literacy among undergraduate students: Empirical evidence from Ghana. *Academy of Accounting and Financial Studies Journal* 22(6): 1–17. [https://www.researchgate.net/publication/331485026\\_Financial\\_literacy\\_among\\_undergraduate\\_students\\_Empirical\\_evidence\\_from\\_Ghana](https://www.researchgate.net/publication/331485026_Financial_literacy_among_undergraduate_students_Empirical_evidence_from_Ghana)
- Peprah-Yeboah, A., Frejus, W. E. B., & Fianko, E. (2018). Financial Literacy of Undergraduate Students: Do Personality Traits and Cognitive Ability Matter?. *International Journal of Accounting and Financial Reporting*, 8(4), 533. doi:10.5296/ijaf.v8i4.14012
- Radianto, W.E.D., Efrata, T.C. and Dewi, L., 2019. Impact of Family's Socio-Economic Context on Financial Literacy of Young Entrepreneurs. *Expert Journal of Business and Management*, 7(2), pp.230-235.
- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Muhammad Faizal, A. G. (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 10–33.
- RinggitPlus.(2020). RinggitPlus Malaysian Financial Literacy Survey 2020. <https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2020/11/RinggitPlus-Financial-Literacy-Survey-Full-Report.pdf>
- Sakinah, G., & Mudakir, B. (2018). Analisis Literasi Keuangan Mahasiswa S-1 Fakultas Ekonomika Dan Bisnis Universitas Diponegoro Angkatan 2014 - 2017. *Jurnal Dinamika Ekonomi Pembangunan*, 1(2), 54. doi:10.14710/jdep.1.2.54-70
- Xu, J. (2019). The Effect Of Actual And Perceived Financial Literacy On Financial Behaviors Of College Students. (Masters Thesis). Cornell University. <http://hdl.handle.net/1813/67304>
- Yasmin Huzaimah, A., & Anuar, A. (2017, April 10–11). Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa. Prosiding Dalam Seminar International Conference on Global Education V Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity. [https://www.researchgate.net/publication/321049902\\_Tahap\\_Literasi\\_Kewangan\\_Di\\_Kalangan\\_Mahasiswa](https://www.researchgate.net/publication/321049902_Tahap_Literasi_Kewangan_Di_Kalangan_Mahasiswa)

Yahaya, R., Samsuddin, N., Norwani, N. M., & Rapani, N. H. A. (2018). Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan, Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan Pelajar. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(15), 40–48.